



KENYATAAN MEDIA

LPSVN UKK/600-01/05 JILID 2 (6)

PAMERAN HADIAH DARI ASEAN

Balai Seni Negara dengan sukacitanya memaklumkan bahawa tempoh ***Pameran Hadiah dari ASEAN*** yang dijadualkan berakhir pada 31 Julai 2025, kini **dilanjutkan** sehingga **31 Disember 2025**. Pelanjutan ini dibuat susulan sambutan yang amat menggalakkan daripada para pengunjung, di samping menyokong penganjuran Sidang Kemuncak ASEAN yang bakal berlangsung pada Oktober 2025. Inisiatif ini mencerminkan komitmen Malaysia dalam menjadikan seni dan budaya sebagai teras pengukuhan hubungan serantau, di samping memartabatkan seni sebagai medium diplomasi budaya yang berkesan.

Pameran yang dibuka secara rasmi pada 17 Februari 2025 ini menampilkan sebanyak 33 karya seni yang dihadiahkan kepada Malaysia oleh negara-negara anggota ASEAN dan ASEAN+6 (Korea Selatan, Jepun, China dan India) antara tahun 1960 hingga 2009. Karya-karya tersebut mencerminkan hubungan diplomatik yang erat serta warisan budaya yang dikongsi bersama menerusi ekspresi seni visual yang pelbagai.

Antara karya seniman terkemuka yang dipamerkan termasuk Lim Nan Seng, Mii bin Awas, Aw Eng Kwang, Chang Yong Chia, Amir B. Tadok, Ahmad B. Kassim, Linggam, dan Abil B. Manan dari Malaysia; Nurdian Ichsan dari Indonesia; Ahmad Abu Bakar dan Thomas Cheong Kah Ho dari Singapura; serta barisan nama besar dari Thailand, Jepun, Korea, China dan India.

Pelanjutan pameran ini dijangka memberi lebih banyak peluang kepada masyarakat umum dan pelawat antarabangsa untuk menghargai koleksi bersejarah ini, sekali gus memperkukuh peranan Malaysia sebagai pusat budaya dan diplomasi seni serantau. Justeru, orang ramai dijemput untuk mengunjungi pameran ini yang dibuka setiap hari dari jam **9.00 pagi hingga 5.00 petang** di **Balai Seni Negara**. Untuk maklumat lanjut, layari www.artgallery.gov.my atau ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara.